

05 SEP 1997

Umno-Reaksi (Rangkuman)

UCAPAN DASAR DIHARAP KURANGKAN KEKELIRUAN MENGENAI ISLAM

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Ucapan dasar Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Islam pada Perhimpunan Agung Umno hari ini dianggap pelbagai pihak sebagai berani, ikhlas dan diharapkan dapat mengurangkan kekeliruan yang selama ini menimbulkan perselisihan di kalangan umat Islam di Malaysia.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Perdana Menteri menimbulkan perkara itu supaya umat Islam tidak kehilangan arah dan memberi tumpuan kepada perkara yang sepatutnya.

"Dengan ucapan ini presiden mengajak kita untuk melihat kepada soal pokok, soal tujuan, soal maksud, soal matlamat dan tidak terbawa-bawa dengan soal simbol, soal luaran sahaja," katanya.

Apa yang mahu ditegaskan Dr Mahathir ialah soal kerajinan, nilai murni dalam membina sebuah tamadun yang mulia dan berjaya ke tahap menentukan kerja yang sangat tertib dan berkualiti tinggi.

Beliau berkata presiden parti melahirkan kebimbangan jika umat Islam bertindak secara melampau dan mementingkan perkara sampingan, mereka akan kehilangan arah dan oleh itu maksud menjadi bangsa berjaya tidak akan tercapai.

Dr Mahathir dalam ucapannya, antara lain, menyatakan kebimbangan terhadap sikap fanatik umat Islam dan tidak langsung toleran terhadap sesiapa yang tidak mengutamakan rupa bentuk yang dikatakan Islam, termasuk soal aurat dan fatwa.

Seorang lagi naib presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata ucapan dasar Dr Mahathir secara keseluruhannya harus dianggap penting dan perlu dilihat secara objektif dan dihalusi.

"Kalau ada pihak yang mungkin tersinggung dengan pandangan itu yang dianggap tegas dan keras, mereka patut mengambil masa sedikit berfikir secara objektif dan memahami masalah yang dihadapi dan bagaimana mengatasinya," katanya.

Katanya pengaruh agama Islam di kalangan orang Melayu amat penting dan tidak boleh dipisahkan kerana pemikiran orang Melayu terhadap agama amat tebal yang sudah menjadi akar umbi.

Tokoh perbankan Tan Sri Azman Hashim gembira kerana Dr Mahathir memberikan peringatan mengenai Islam terutama dari segi kesederhanaan dan sikap toleran kerana kejayaan Malaysia menarik pelabur selama ini adalah disebabkan kesederhanaan yang diamalkan.

"Saya gembira Perdana Menteri menyebutkannya kerana banyak orang yang keberatan untuk memperkatakan hal seperti ini," katanya.

Beliau berkata umat Islam tidak boleh bersikap ekstremis kerana bukan sahaja pelabur asing yang akan merasa tidak selesa bahkan rakyat Malaysia sendiri yang bukan beragama Islam pun akan merasa tidak selesa.

Ketua Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata ucapan Dr Mahathir memberi mesej jelas bahawa kita sahaja yang boleh mencorak pembudayaan yang kita kehendaki untuk menuju satu perubahan yang konkrit.

Mengenai amalan menutup aurat di kalangan masyarakat Islam di negara ini, beliau berkata: "Kita jangan pilih tentang cara tetapi harus memberi penekanan tentang tujuan sebenar (menutup aurat)."

Setiausaha Agung Datuk Sabbaruddin Chik turut mengulas ringkas mengenai aurat dengan berkata: "Kalau hendak buat sesuatu itu, jangan buat hanya kerana mahu mengikut."

Ketua Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata, Dr Mahathir dengan jelas

mahu soal pelaksanaan hukum-hukum Islam tidak diperberatkan kerana agama itu menuntut supaya dipermudahkan.

Beliau juga mahu orang Melayu menukarkan budaya yang bersifat sementara kepada budaya yang mempunyai jangka hayat yang panjang agar minda mereka lebih terbuka dalam semua hal, terutama ilmu pengetahuan, katanya.

Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah berkata ucapan Perdana Menteri lebih ditumpukan kepada seruan ke arah "mengubah cara kita memajukan bangsa."

Katanya soal rasuah yang disebut bagi kali kedua berturut-turut dalam ucapan perhimpunan agung juga menunjukkan ketegasan presiden terhadap masalah itu.

Anggota Majlis Tertinggi Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pesanan Dr Mahathir sangat relevan kerana amalan negatif yang ada kini akan mengurangkan ketahanan dan keupayaan orang Melayu serta rakyat Malaysia menghadapi cabaran masa depan.

Cabaran ini, terutama dari luar mempunyai kesan terhadap usaha mempertahankan keupayaan ekonomi negara, katanya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam menyifatkan pesanan Perdana Menteri kepada orang Melayu supaya mengenalpasti haluan mereka adalah bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam mengejar pembangunan.

Katanya jika orang Melayu, yang juga orang Islam hilang haluan pegangan, mereka mungkin akan kembali kepada zaman sebelum pembentukan Dasar Ekonomi Baru dahulu.

"Anggota-anggota Umno dan orang Melayu sepatutnya selepas ini dapat menyusun strategi dan pemikiran ke arah kemajuan yang hendak dicapai," katanya.

Seorang lagi anggota MT Datuk Mustapa Mohamed berkata ucapan Dr Mahathir membawa mesej yang tegas meminta orang Melayu bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.

"Kita perlu amalkan budaya cemerlang untuk berjaya di dunia dan akhirat," katanya.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman tertarik dengan hujah Dr Mahathir bahawa Umno dan bangsa Melayu sewajarnya bangkit membentuk budaya kemajuan bangsa melalui pendekatan Islam.

"Yang ditekankan ialah budaya membentuk bangsa Melayu dan sumber kekuatannya ialah Islam...kita hendaklah gabungkan ilmu dengan teknologi dan asasnya yang paling pokok ialah budaya bangsa Melayu itu sendiri," kata Ghani yang juga anggota MT.

"Perdana Menteri amat berani dan tegas dalam menyuarakan waspadanya bahawa jika Islam lebih digunakan dalam bentuk lambang dan rupabentuk sahaja dengan tidak memahami kepada tujuan dan matlamat, maka Islam akan menjadi cepat pula menghalang pembentukan budaya yang boleh membawa kemajuan bangsa Melayu," katanya.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata ucapan Dr Mahathir menekankan kepada laluan masa depan yang perlu dituju negara.

Ucapannya memberikan asas bagaimana masyarakat harus membuat persediaan ke arah menuju tahun 2020 dan beliau mahukan sebuah masyarakat yang bersih, efektif dan cekap, katanya. -- BERNAMA

AZZ RON